

Gerhana Matahari

A. Bulatkan jawapan yang betul. (SP10.1.2)

1. Gerhana Matahari berlaku apabila (Bumi, Bulan) menghalang cahaya matahari daripada sampai ke Bumi.
2. Gerhana Matahari penuh dapat dilihat dari kawasan bayang-bayang Bulan yang (gelap sepenuhnya, gelap separa).
3. Gerhana Matahari separa dapat dilihat dari kawasan bayang-bayang Bulan yang (gelap sepenuhnya, gelap separa).
4. Semasa (gerhana Matahari, gerhana Bulan), bayang-bayang Bulan terbentuk di permukaan Bumi.
5. Cahaya matahari bergerak dalam garis lurus dan (tidak dapat, dapat) menembusi objek legap seperti Bulan.
6. Gerhana Matahari boleh berlaku sekurang-kurangnya dua kali dalam (setahun, sebulan).

B. Tandakan (✓) pada pernyataan yang benar dan (X) pada pernyataan yang salah tentang perbandingan antara gerhana Matahari dengan gerhana Bulan. (SP10.1.2)

1. Tempoh gerhana Matahari adalah selama beberapa jam manakala tempoh gerhana Bulan adalah selama beberapa minit. ☐
2. Gerhana Matahari hanya boleh berlaku apabila Bulan berada pada fasa anak Bulan, manakala gerhana Bulan berlaku apabila Bulan berada pada fasa bulan purnama. ☐
3. Gerhana Matahari berlaku apabila Bulan berada di antara Matahari dan Bumi manakala gerhana Bulan berlaku apabila Bumi berada di antara Matahari dan Bulan. ☐